

Pendidikan Kerja Sosial Berteraskan Kompetensi

Competence -Based Social Work Education

Adi Fahrudin¹, Husmiati Yusuf², Mira Sekar Arumi³,
Wanda Kiyah George Albert⁴, Abu Huraerah⁵ & Sakroni⁶

¹Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Muhammadiyah Jakarta,

²Pusat Penelitian dan Pengembangan Kesejahteraan Sosial,

³Fakultas Psikologi, Universitas Bhayangkara Jakarta,

⁴Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah,

⁵Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Pasundan Bandung,

⁶Politeknik Kesejahteraan Sosial Bandung

Corresponding author: fahradi@umj.ac.id

Dihantar: 2 November 2021 / Diterima: 15 Disember 2021

Received date: 2 November 2021 / Accepted date: 15 December 2021

Artikel ini membincangkan tentang keperluan Pendidikan dan latihan di dalam bidang kerja sosial berdasarkan piawaian global yang telah digariskan oleh Council on Social Work Education (CSWE) agar mampu memenuhi keperluan semasa dan peredaran zaman berkaitan dengan keperluan kerja sosial. Amalan dalam Pendidikan dan praktis kerja sosial ini tidak hanya dibincangkan dalam konteks Indonesia sahaja namun ia turut melibatkan Malaysia yang kini sedang bertungkus lumus meningkatkan kualiti Pendidikan dan kepakaran dalam bidang kerja sosial. Untuk mencapai matlamat ini, Pendidikan Kerja sosial berteraskan kompetensi dan latihan kerja sosial berteraskan kompetensi merupakan pilihan alternatif yang perlu dilaksanakan.

Kata kunci: pendidikan, latihan, kerja sosial, piawaian global, kompetensi

This article discusses the need for social work education and training to adapt in line with global standards of social work education and training. In the end to fulfill the needs and developments of the times. This adaptation is not only for the Indonesian context but also for Malaysia, where both countries are struggling to improve the quality of education and social work professionals. To achieve this goal, competency-based social work education and training is an alternative option that needs to be implemented.

Keywords: education, training, social work, global standards, and competence

Sejogyanyalah pendidikan dan latihan kerja sosial melakukan perubahan besar supaya dapat memprediksi dan menyesuaikan dengan setiap perubahan sosial yang terjadi terutama di era revolusi industri 4.0. Pendidikan dan latihan kerja sosial adalah pencerminan dan bentuk respons terhadap perubahan sosio-ekonomi-budaya bahkan politik dalam sesebuah masyarakat (Fahrudin & Yusuf, 2016). Dalam bahasa lain, Pun-Ngai (1996) menegaskan bahwa pendidikan kerja sosial seharusnya melakukan *reinventing* terhadap perubahan sosial, masalah sosial, situasi politik dan budaya tradisional sekalipun. Sebagai contoh, industrialisasi di Jepun berkembang sangat pesat dan telah memberi dampak terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Realitas ini sangat memerlukan tenaga profesional yang terdidik dan terlatih untuk menangani isu-isu yang menyebabkan ketidakseimbangan dan ketidakberfungsian individu, keluarga dan masyarakat (Bogo & Maeda, 1990).

Pendidikan dan latihan kerja sosial perlu melakukan perubahan yang besar dalam meramal dan beradaptasi dengan perubahan sosial yang berlaku lebih-lebih lagi pada era revolusi industri 4.0. Pendidikan dan latihan kerja sosial

merupakan refleksi dan bentuk tindak balas terhadap budaya-sosio-ekonomi dan juga perubahan politik di dalam masyarakat (Fahrudin & Yusuf, 2016). Dengan kata lain Pun-Ngai (1996) menyatakan bahawa Pendidikan kerja sosial perlu menambahaik perubahan sosial, permasalahan sosial, situasi politik dan juga budaya tradisi. Sebagai contoh, pengindustrian di Jepun yang semakin berkembang dengan pesat telah memberikan kesan yang besar kepada individu, keluarga dan juga masyarakat. Hakikat ini menyebabkan perlunya golongan profesional yang berpendidikan dan terlatih untuk menangani isu-isu yang menyebabkan ketidakseimbangan dan ketidakfungsian pada individu, keluarga dan komuniti (Bogo & Maeda, 1990).

Selaras dengan itu, pakar kerja sosial perlu untuk membangunkan pengetahuan dan kurikulum kerja sosial yang membolehkan ia menghasilkan pekerja sosial yang kompeten dan berkemahiran tinggi. Selain itu, institusi latihan Pendidikan dan latihan kerja sosial seperti yang dinyatakan oleh Pun-Ngai (1996) perlu menilai pengaruh sosiologikal, ekonomi dan keadaan politik yang memberi kesan terhadap kepakaran kerja sosial, mengenalpasti bidang di mana pekerja sosial mampu membantu

menyelesaikan masalah sosial dan menggalakkan perkembangan potensi manusia, merancang kurikulum, mengajar pengetahuan profesional, nilai dan kemahiran dan menentukan keutamaan program. Permintaan terhadap profesionalisme kerja sosial tidak hanya dalam konteks keperluan setempat sahaja tetapi juga disebabkan oleh kehendak antarabangsa (Fahrudin, 2020). Mesyuarat umum IASSW dan IFSW di Adelaide, Australia pada bulan Oktober 2014 yang seterusnya dikuatkuasakan pada mesyuarat tahunan IASW dan IFSW bertempat di Seoul Korea pada tahun 2016 menetapkan piawaian global yang akan memandu institusi pendidikan dan latihan kerja sosial; objektif pendidikan dan latihan, hasil program latihan, kurikulum Pendidikan dan latihan, pengajar, peserta Pendidikan dan latihan, fasiliti dan infrastruktur (www.iassw-aies.org, 2021). Pada tahun 2020, piawaian global ini telah dinilai semula dan diperkukuhkan dalam beberapa aspek berkaitan dengan Pendidikan dan Latihan kerja sosial (www.ifsw.org, 2021). Pemurnian dan pengukuhan ini lebih bertumpu kepada menyeluruh dan kepelbagaian dalam Pendidikan kerja sosial. Melalui piawaian ini, adalah diharap kualiti Pendidikan dan latihan dapat dijamin dengan mengambil kira keadaan tempatan namun bersifat menyeluruh dan menerima pengiktirafan antarabangsa. Walaupun piawaian global ini disasarkan pada Pendidikan dan latihan kerja sosial pada peringkat university/sekolah tinggi/peringkat kolej/ namun piawaian ini adalah sangat bersesuaian dengan institute Pendidikan dan latihan yang tidak formal seperti Institut Sosial Malaysia (ISM) di Malaysia dan Balai Besar Pendidikan dan Pelatihan Kesejahteraan Sosial (BBPPKS) di Indonesia.

Pendidikan dan Kompetensi Kerja Sosial

Dalam beberapa kajian kerja sosial terkini dan lapangan lain, perkataan “kompeten” dan kompetensi ini sering digunakan secara berkelompok atau individu. Kompetensi bukan satu perkataan yang baharu, ia telah digunakan lebih kurang seawal tahun 1594, tetapi mempunyai maksud yang berbeza dengan maksud pada masa kini (Ford, 1996). Di Britain, dalam konteks latihan berteraskan kompetensi oleh The National Vocational Qualification (NVC), kompetensi didefinisikan sebagai keupayaan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan dengan pekerjaan yang diamanahkan (Fletcher, 1991). Dalam konteks kerja sosial, pengertian yang lebih mendalam dipersembahkan oleh Cooper (1992) sebagai; kompeten terdiri daripada pengetahuan dan kemahiran khusus, dan aplikasi pengetahuan dan kemahiran tersebut, di dalam pekerjaan atau industri yang memerlukan piawaian pencapaian dalam penjawatan (p. 9).

Konsep pendidikan atau latihan berteraskan kompetensi (*competency-based education or training* - CBT) mempunyai sejarah yang panjang. Di Amerika Syarikat, satu contoh telah wujud dalam tahun 1960an di dalam bidang latihan perguruan. Suku abad kemudian, model ini telah menunjukkan kesan yang signifikan ke atas sistem latihan dan pendidikan British, kecenderungan ditunjukkan melalui idea yang baik dan buruk daripada Amerika Utara, sebagai penentang terhadap jiran British dan sekutu di Eropah. Kesan penuh ke atas CBT boleh dikesan di United Kingdom pada tahun 1989 dengan peneguhan National Vocational Qualifications. Skim ini menggalakkan keperluan terhadap kebolehan bekerja untuk tenaga kerja British

melalui pengenalan terhadap model-model di dalam kompetensi berteraskan latihan dan pendidikan vokasional. Pihak majikan dan industri telah memberikan sokongan yang amat kuat terhadap konsep tersebut.

Dalam latihan dan Pendidikan kerja sosial di United Kingdom, pengenalan kepada konsep rakan kongsi antara majikan dan sekolah kerja sosial menjadi realiti pada tahun 1990 dengan penubuhan *Central Council for Education and Training in Social Work* yang memerlukan graduan yang kompeten dalam Diploma Kerja Sosial (CCETSW, 1989). Walaupun perubahan ini agak lambat pada mulanya, namun pada pertengahan tahun 1990an perubahan yang besar telah dilihat. Pada masa yang sama CCETSW telah menyediakan satu formula baru untuk latihan dan pendidikan, yang dinamakan Diploma dalam Kerja Sosial (Dip. SW) sebagai satu model latihan dan Pendidikan berteraskan kompetensi berkepakaran. Model ini berasal dari idea Zofia Butrym (Butrym, 1976) terhadap akedemik kerja sosial di London School of Economics. Butrym menyatakan bahawa praktis kerja sosial adalah gabungan unik yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan nilai. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Balgopal (1993) dengan menyatakan kompeten pekerja sosial abad ke-21 adalah terdiri daripada sikap, pengetahuan dan kemahiran. Oleh sebab itu, dalam latihan dan pendidikan kerja sosial, kelayakan dan kompetensi pekerja sosial perlu ditunjukkan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan nilai. Berdasarkan ini, formula untuk kerja sosial yang kompeten adalah seperti berikut : Pengetahuan + Kemahiran + Nilai = Kompeten. Maka, konsep kompeten yang dipersembahkan oleh Cooper (1992) yang menerangkan dua elemen tersebut iaitu pengetahuan dan kemahiran adalah kurang sesuai dalam konteks kerja sosial. Ini kerana dalam kerja sosial, terdapat satu lagi komponen iaitu nilai. Persoalannya adalah bagaimana mahu mengukur nilai kompeten dengan pengukuran yang jelas. Ini kerana orang ramai meletakkan ukuran terhadap yang boleh dilakukan seseorang (hasil) melebihi cara ia dilakukan (proses). Di UK, selepas satu proses yang panjang, enam kumpulan kompetensi yang perlu dimiliki oleh pekerja sosial akhirnya diwujudkan, dan dinamai; komunikasi dan bina hubungan (*Communicate and Engage*), promosi dan memberdaya (*Promote and Enable*), Menaksir dan Perancangan (*Assess and Plan*), Intervensi dan Menyediakan Perkhidmatan (*Intervene and Provide Services*), Bekerja di dalam Organisasi (*Work in Organizations*), Membangunkan Kompetensi Profesional (*Develop Professional Competence*), (CCETSW, 1995)

Berbeza dengan UK, program Pendidikan kerja sosial di Indonesia secara umumnya masih tidak mempunyai sebarang piawaian kompetensi yang ditetapkan oleh persatuan sekolah kerja sosial, persatuan kerja sosial atau sebarang agensi yang lain. Sama juga seperti di Malaysia, ketiadaan piawaian kompetensi telah meletakkan latihan dan Pendidikan kerja sosial bertungkus lumus untuk mencari formula sendiri untuk memberi kompetensi kepada setiap graduann latihan dan Pendidikan kerja sosial. Persatuan pekerja sosial dan Pendidikan perlu dan harus menetapkan piawaian kompetensi yang memastikan seseorang layak sebagai pekerja sosial (Fahrudin, 2013). Dengan piawaian ini, kompetensi setiap tahap pendidikan dapat diketahui. Tetapi, cara ini masih belum cukup untuk melayakkan seseorang untuk menjadi seorang pekerja sosial yang pakar. Oleh sebab itu, organisasi perlu

menjalankan ujian kompetensi yang mempunyai pengaruh terhadap pengesahan lisen.

Mekanisme pengujian kompetensi tersebut dapat meniru apa yang telah dilakukan oleh Jepun dan Filipina. Di Filipina misalnya, Akta Republik No. 4373 yang biasa disebut Undang-Undang Kerja sosial (*Social Work Law*) yang telah wujud sejak tahun 1965 memberikan mandat kepada kompetensi pekerja sosial di sana. Dengan undang-undang inilah status profesion kerja sosial dan pendidikan kerja sosial di Philippina mempunyai kualiti yang terjamin (Mendoza, 2002). Bahkan graduan kerja sosial di Philippina diwajibkan lulus ujian kompetensi yang diadakan oleh Lembaga Peperiksaan sebelum seorang graduan dapat menjalankan praktis. Bahkan dalam undang-undang tersebut juga menyatakan bahawa sebelum seseorang boleh mengambil ujian kompetensi, graduan tersebut perlu melepasi jam praktis secara langsung selama 1000 jam (*direct practice*) semasa praktikum dibawah supervisi pekerja sosial yang terlatih dan berkelayakkan (Mendoza, 2002). Di Jepun, terdapat Undang-undang iaitu *Enactment of the Certified Social Worker dan Certified Care Workers' Law* yang diluluskan oleh parlimen Jepun yang menyelia proses pensijilan pekerja sosial (*Certified Social Worker*) dan pensijilan pekerja sosial yang bekerja di pusat penjagaan (*Certified Care Worker*). Berdasarkan pengalaman Jepun dan Filipina maka mekanisme pengujian kompetensi yang seragam perlu dilaksanakan dan amatlah penting kelayakkan pekerja sosial untuk memenuhi kelayakkan antarabangsa.

Bagi melaksanakan pengujian kompetensi, organisasi profesional atau agensi berkaitan perlu memberi sokongan yang kuat dalam bentuk Undang-Undang Pekerja Sosial atau PP termasuk di Jepun dan juga di Filipina. Mengapa perlu kompeten? Pertanyaan ini seringkali ditimbulkan dan sudah tentu ia adalah kerana wujudnya kekeliruan orang ramai berkenaan dengan sistem latihan dan Pendidikan yang tidak mempunyai piawaian yang jelas. Dalam konteks latihan dan pendidikan kerja sosial, piawaian kompetensi ini sangat diperlukan berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk kepelbagaian program latihan dan Pendidikan kerja sosial yang kedua-duanya berpunca dari kurikulum, kelayakkan tenaga pengajar, kelayakan penyelia praktikum, fasiliti pengajaran dan lain-lain. Institusi latihan dan Pendidikan kerja sosial juga dilihat belum mempunyai piawaian yang khusus dalam memastikan pekerja sosial yang kompeten dihasilkan. Kewujudan piawaian kompetensi dan piawaian pusat latihan dan Pendidikan akan membantu meningkatkan kepakaran, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menyediakan perlindungan terhadap terhadap pengguna perkhidmatan (klien).

Keperluan Latihan dan Pendidikan Berasaskan Kompetensi

Seiring dengan perkembangan zaman, institusi latihan dan pendidikan kerja sosial seharusnya bersikap dan menggunakan model latihan berasaskan kompetensi (model Competency Based Training, CBT) dalam proses latihan dan pendidikan. Bagaimanapun sebelum model CBT dapat digunakan, faktor-faktor sokongan perlu diberi perhatian. Heraud (1981) sebagai contoh menekankan kepentingan terhadap proses pendidikan dalam latihan dan pendidikan kerja sosial supaya mampu menghasilkan graduan yang kompeten. Sebagai tambahan kepada Heraud yang melihat kepada kepentingan proses pembelajaran.

Ho (1975) mengatakan bahawa faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian dalam proses pendidikan kerja sosial adalah termasuk hubungan tenaga pengajar dan pelajar, penerimaan pelajar terhadap pengalaman baru sebagai seorang pakar, pembelajaran tradisi struktur kurikulum, penentuan hak Batasan seorang tenaga pengajar, permintaan hak individu seorang pelajar, dan keseragaman struktur kurikulum antara teori dan praktis ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komponen penting lain dalam komponen kerja sosial adalah kurikulum, pengajaran dan pembelajaran. Masalah universal dalam perancangan kurikulum kerja sosial adalah bagaimana untuk memasukkan kursus-kursus yang pelbagai (*subject matter*) ke dalam kurikulum yang komprehensif dan bagaimana kursus tersebut dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar kerja sosial (Coulshed, 1993). Perhatian perlu diberikan kepada aspek di atas untuk menyediakan peserta latihan dan Pendidikan supaya menjadi pengamal profesion yang mempunyai kebolehan dan kuasa tersendiri.

Dalam memberikan latihan kepada pelajar untuk mempunyai kompetensi profesional, sekolah/institusi Pendidikan dan latihan kerja sosial perlu menyediakan persekitaran fizikal dan suasana akademik yang menyokong ke arah pembelajaran berkaitan pengetahuan kerja sosial dan praktis kemahiran (Fahrudin, 2002). Metod pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan kerja sosial dapat berubah sesuai dengan perkembangan dan kemajuan teknologi namun tujuan utama pendidikan kerja sosial adalah menyediakan kompetensi profesional pada tahap yang lebih tinggi (Fahrudin & Yusuf, 2021; Fahrudin, 2020). Kompetensi profesional bukanlah semata-mata berdasarkan metod dan kemahiran yang dipelajari (Brennen, 1978). Peranan analisis keperluan latihan dan pendidikan (*education and training need analysis*, seterusnya dikenali sebagai *training need analysis - TNA*) amat diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut. TNA tidak hanya dilakukan berdasarkan kepada persepsi pengkaji TNA sahaja, tetapi perlu dilakukan berdasarkan penelitian yang mendalam mengenai apa yang diperlukan oleh peserta. Matlamat penelitian dalam TNA ini adalah untuk mengenalpasti bentuk tugas-tugas pakar yang perlu dilakukan oleh graduan pelatih, mengenalpasti pengetahuan berkaitan nilai dan kemahiran seta mencari bentuk dan corak praktis kerja sosial terbaik dan mengenalpasti piawaian kompetensi yang diperlukan serta cara untuk mencapai kompetensi tersebut. Berdasarkan keputusan satu analisis keperluan yang mendalam, latihan dan pendidikan yang dilaksanakan tidak hanya mencapai sasaran tahunan program tetapi juga berjaya menghasilkan graduan yang mempunyai tahap kompetensi berlandaskan keperluan di dalam bidang tersebut serta sesuai dengan permasalahan yang berlaku.

Kesimpulan

Undang-Undang Pekerja Sosial sangat diperlukan untuk melindungi pekerja sosial dan penerima perkhidmatan daripada melakukan praktis yang salah (*malpractice*). Untuk menjawab kehadiran Undang-Undang Pekerja Sosial di Indonesia, pendidikan kerja sosial (dalam hal ini Universiti/Institut Pengajian tinggi awam dan swasta yang mempunyai jurusan kerja sosial/Kebajikan sosial) sepatutnya mempersiapkan diri dengan pendidikan profesion pekerja sosial. Latihan dan Pendidikan Kerja Sosial di Indonesia perlu untuk menggunakan model Kompetensi Berasaskan Latihan Dan Pendidikan. Kompetensi berasaskan Latihan dan pendidikan perlulah disokong oleh peralatan sokongan seperti kurikulum berasaskan kompetensi, fasiliti pembelajaran, persekitaran yang kondusif, perhubungan tenaga pengajar dan pelajar, dan kebijakan pendidikan dan polisi latihan yang konsisten. Pemerintah melalui Kementerian terkait, Agensi Pensijilan Profesional Kebangsaan dengan Persatuan Pekerja Sosial Kebangsaan dan Persatuan Sekolah Kerja Sosial atau Majlis Pendidikan Kerja Sosial Kebangsaan sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia perlu membuat formula untuk Pendidikan dan latihan kerja sosial dan piawaian kompetensi untuk graduan Pendidikan dan latihan kerja sosial yang dapat dijadikan panduan secara menyeluruh namun tetap merujuk kepada piawaian global pendidikan dan latihan kerja sosial.

Rujukan

- Balgopal, P. (1993). Social work competence in 21century. *Asian Pacific Journal of Social Work*. Singapore: National University of Singapore.
- Bogo, M. & Maeda, K.K. (1990). Collaboration in adaptation of knowledge for social work education for practice: A Canada/Japan experience. *International Social Work*, 33, 27–40.
- Butrym, Z. (1976). *The nature of social work*. London: Macmillan.
- Brennen, E.C. (1978). Defining the basic curriculum. *Journal of Education for Social Work*, 14(2), 24–30.
- CCETSW. (1995). *Dip SW: Rules and requirement for diploma in social work (Revised Edition)*. London: CCETSW.
- CCETSW. (1989). *Dip SW: Rules and requirement for diploma in social work*. London: CCETSW
- Cooper, L. (1992). Managing to survive: Competence and skills in social work. *Issues in Social Work Education*, 12(2), 2–23.
- Coulshed, V. (1993). Adult learning: Implication for teaching in social work education. *British Journal of Social Work*, 23, 1–13.
- Fahrudin, A. (2002). Direction for social work education. Paper presented at National Workshop on Social Work Education, organized by School of Psychology and Social Work, Universiti Malaysia Sabah: Kudasang, 12-13 August.
- Fahrudin, A. (2013). Social Welfare and Social Work in Indonesia. In Dr Sharlene Furuto (ed.), *Social Welfare and Social Work in Asia Pacific*. (pp.136-157) New York: Columbia University Press.

- <https://cup.columbia.edu/book/social-welfare-in-east-asia-and-the-pacific/9780231157148>
- Fahrudin, A & Yusuf, H. (2016). Social work education in Indonesia: History and current situation. *International Journal of Social Work and Human Service*, 4 (Mar, 2016) No 1, ISSN: 2332-6832 (Print),ISSN: 2332-6840 (Online): <http://dx.doi.org/10.13189/ijrh.2016.040103>
- Fahrudin, A. (2020). Fragile Democracy: Social Work Programming in Indonesia. In Ian Shaw & Rosaleen Ow, *Asian Social Work: Professional Work in National Context* (pp. 185-196) London: Routledge <https://www.routledge.com/Asian-Social-Work-Professional-Work-in-National-Contexts/Shaw-Ow/p/book/9781138611795>.
- Fahrudin, A. & Yusuf, H. (2021). Social Work Education in Contemporary Indonesia: Issues, Challenges and Concerns. In S.M Sajid, Rajendra, Baikady, Cheng Sheng-Li and Haruhiko Sakaguchi (Eds.), *The Palgrave Handbook of Global Social Work Education (pp.21-34)*. United States: Palgrave Macmillan (an imprint of Springer Nature). <https://www.palgrave.com/gp/book/9783030399658>
- Ford, P. (1996). Competences: The use and misuse. Dalam Peter Ford & Patrick Hayes (Eds.), *Educating for social work: Arguments for Optimism*. Aldershot: Avebury.
- Fletcher, S. (1991). *NVQs, standards and competences: A practical guide for employers, managers and trainers*. London: Kogan Page.
- Heraud, B. (1981). *Training for Uncertainty: A Sociological Approach to social work education*. London : Routledge & Kegan Paul.
- Ho, M., K. (1975). Implication of teacher-student relationships in social work education. *Journal of Education for Social Work*, 11(1), 74–81.
- International Association of Schools of Social Work. (2021). *The Update global standard for social work education and training*. Diakses dari [https://www.iassw-aiets.org/featured/5867-announcement-of-the-updated-global-standards-for-social-work-education-and-training-the-new-chapter-in-social-work-profession/pada tanggal 11 November 2021](https://www.iassw-aiets.org/featured/5867-announcement-of-the-updated-global-standards-for-social-work-education-and-training-the-new-chapter-in-social-work-profession/pada%20tanggal%2011%20November%202021).
- International Federation of Social Workers. (2021). *Global standard for social work education and training*. Diakses dari <https://www.ifsw.org/global-standards-for-social-work-education-and-training/> pada 11 November 2021.
- Mendoza, T. L. (2002). *Social welfare and social work (revisited edition)*. Quezon City, Manila: Megabooks Company.
- Pun-Ngai, Ngan. (1996). Revival of social work education in China. *International Social Work*, 39, 289–300.